

15 rumah di Muar dilanda banjir kilat

MUAR – Hujan lebat beberapa jam menyebabkan 15 buah rumah di Kampung Jalan Masjid, Sungai Raya dan Sungai Terap di sini dilanda banjir kilat semalam.

Menurut penduduk, rumah mereka dinaiki air setinggi 0.3 meter dan kejadian itu merupakan antara yang terburuk tahun ini selepas kejadian sama dua minggu lalu.

Abdul Rahman Ismail, 51, berkata, banjir kilat itu berpunca daripada masalah sistem perparitan di kampung berkenaan yang tidak diselenggara sejak 2008 hingga mengakibatkan air melimpah ke rumah penduduk.

“Setakat ini, rumah saya sudah dinaiki air sebanyak lima kali sejak

awal tahun dan setiap kali hujan lebat, kami sekeluarga bimbang memikirkan risiko rumah yang akan dinaiki air.

“Setiap kali banjir kilat, saya dan keluarga mengambil masa lebih tiga jam untuk membersihkan rumah termasuklah pada waktu tengah malam,” katanya ketika ditemui.

Jirannya, Hanipah Husin, 42, berkata, banyak buku sekolah anaknya rosak kerana terendam dalam air kerana tidak sedar kejadian tersebut yang berlaku pada waktu tengah malam.

Katanya, dia terpaksa memecahkan simen penghadang banjir di pintu masuk rumah bagi membolehkan air yang

masuk dalam rumah mengalir keluar dan tindakan itu diambil bagi membolehkan air cepat surut dan kerja-kerja membersihkan boleh dilakukan segera.

“Jika tidak buat begitu, air banjir akan lambat surut sehingga mengambil masa selama tiga hari,” katanya yang berharap kerja-kerja mendalam serta membersihkan parit itu dilakukan segera kerana daerah itu sudah mula dilanda musim tengkujuh.

Bapa kepada tiga anak itu mengharapkan agar sistem perparitan kampung berkenaan dapat diselenggara setiap tahun oleh pihak bertanggungjawab bagi mengatasi kejadian banjir yang berlaku saban tahun.



ABDUL RAHMAN dan isteri, **Poniah Mohamad** membersihkan rumah mereka selepas dilanda banjir kilat di Kampung Jalan Masjid, Muar semalam.